



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
(Ministry of Health Malaysia)
Bahagian Penguatkuasaan Farmasi
(Pharmacy Enforcement Division)
Lot 36, Jalan Universiti
46200 Petaling Jaya
Selangor
MALAYSIA

No. Telefon : 03 - 7841 3200 / 03 - 7841 3320
No. Faksimili : 03 - 7968 2222 / 03 - 7968 2251
Portal Rasmi : <https://www.pharmacy.gov.my>

Rujukan Tuan :
Rujukan Kami : KKM.T.600-18/1/8 Jld 5 (67)
Tarikh : 8 April 2019

SEPERTI SENARAI EDARAN

Tuan/Puan,

EDARAN SENARAI KATAKUNCI (KEYWORD) DAN SENARAI PENJUAL YANG DISARING DI PLATFORM E-MARKETPLACE OLEH BAHAGIAN PENGUATKUASAAN FARMASI, KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Saya dengan hormatnya merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian Penguatkuasaan Farmasi, Kementerian Kesihatan Malaysia sentiasa menjalankan saringan terhadap produk farmaseutikal dan ubat-ubatan yang diiklankan di platform-platform e-marketplace. Saringan ini dijalankan bertujuan untuk memastikan pengguna mendapat produk farmaseutikal dan ubat-ubatan yang selamat, berkesan dan berkualiti.

3. Mengikut statistik, trend penjualan ubat-ubatan yang menyalahi peruntukan undang-undang yang dikuatkuasakan dan pengiklanan produk farmaseutikal dan ubat-ubatan di platform-platform e-marketplace adalah semakin meningkat sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Bahagian ini memandang serius akan perkara ini dan, diingatkan mana-mana orang yang mengambil bahagian dalam penjualan dan penyiaran iklan ubat-ubatan tanpa kelulusan daripada Lembaga Iklan Ubat (LIU) boleh disabitkan dengan kesalahan di bawah Seksyen 5 Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) 1956 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 5(1) akta yang sama iaitu hukuman denda sehingga RM3,000 atau satu tahun penjara atau kedua-duanya sekali. Bersama-sama ini juga diingatkan mana-mana pihak yang menjual keluaran yang bukan keluaran berdaftar dengan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD), Kementerian Kesihatan Malaysia adalah melanggar Peraturan 7(1)(a) Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984 dan boleh disabitkan kesalahan di bawah Peraturan 30 (1) peraturan yang sama dan boleh dihukum di bawah Seksyen 12(1) Akta Jualan Dadah 1952 iaitu hukuman denda sehingga RM25,000 atau 3 tahun penjara atau kedua-duanya sekali.

4. Suhubungan itu, dilampirkan senarai katakunci (keyword) produk-produk yang dipromosikan di platform-platform e-marketplace (**Lampiran A**) dan senarai penjual yang kerap menjual ubat-ubatan yang menyalahi peruntukan undang-undang untuk rujukan dan tindakan pihak tuan/puan (**Lampiran B**). Diharapkan dengan edaran senarai katakunci ini, penyedia-penyedia platform e-marketplace dapat mengambil tindakan sewajarnya sebelum membenarkan mana-mana produk farmaseutikal dan ubat-ubatan dipromosikan di platform-platform kendalian tuan/puan.

5. Sebarang pertanyaan atau kemusykilan, pihak Tuan/Puan boleh menghubungi Pn. Norlida binti Abd. Rahman di talian 03-78413293 (lida_ar@moh.gov.my) atau En. Abdul Muhaimin bin Mohd Noor di talian 03-78413267 (muhaiminmn@moh.gov.my).

6. Segala perhatian dan kerjasama dari pihak Tuan/Puan dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(TAN ANN LING) RPh.1051
Pengarah Penguatkuasa Farmasi
Program Perkhidmatan Farmasi
Kementerian Kesihatan Malaysia.

nar/ammn

✉ lida_ar@moh.gov.my / muhaiminmn@moh.gov.my

☎ +603 - 7841 3293 / 3267